

**FILEM MAT KILAU DAN KEBANGKITAN
KONSERVATISME MELAYU**

**MOHAMAD AQRIEL SHAZWAN BIN MD
SHAHRUDIN**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**FILEM MAT KILAU DAN KEBANGKITAN
KONSERVATISME MELAYU**

oleh

**MOHAMAD AQRIEL SHAZWAN BIN MD
SHAHRUDIN**

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan**

Julai 2023

Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai dengan kemudahan.

So, verily, with every difficulty, there is relief

(Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai dengan kemudahan.

Verily, with every difficulty, there is relief.

Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain).

Therefore, when thou art free (from thine immediate task), still labour hard.

Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini).

And to thy Lord turn (all) thy attention

(Surah as-Syarh, 94: 5-8)

PENGHARGAAN

Segala puji dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, tesis ini dapat disiapkan mengikut waktu yang telah ditetapkan. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan saya titipkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM kerana memberikan peluang kepada para pelajar tahun akhir untuk menjalani Latihan Ilmiah sebagai pendedahan ke arah dunia akademik dan penyelidikan. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya, Dr. Muhammad Febriansyah atas bimbingan, kesabaran dan tunjuk ajar beliau kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini.

Ucapan kasih dan sayang buat kedua-dua ibu bapa saya, En. Md. Shahrudin dan Pn. Nor Azwa atas sokongan moral dan material selama 4 tahun bergelar mahasiswa USM. Terima kasih setulus hati juga diucapkan buat cinta hati, Aisyah Syafiqah yang menjadi pendokong kuat dan menyokong saya selama ini. Bukan itu sahaja, penghargaan ini turut diucapkan kepada teman karib saya, Afiffuddin Ezazi yang menjadi sumber inspirasi untuk menjalani Latihan Ilmiah. Buat sahabat-sahabat seperjuangan iaitu Syamimi Rosli, Ahmad Syukri, Anis Afifa, Syuhada Elmi, Mursyid Salleh, dan Aidil Syahmi, mereka juga banyak membantu menyokong saya dalam perjalanan melengkapkan kajian Latihan Ilmiah ini.

Saya ambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ucapan penghargaan kepada individu-individu yang membantu sebagai informan kajian ini seperti Tn. Hj. Abdul Rahman Mat Dali, Pengarah Urusan Studio Kembara, Prof. Madya Dr. Azmil Mohd Tayeb, Dr. Azmi Arifin, Irfan Shaharuddin dan dua orang sahabat saya daripada

ISMA. Tanpa bantuan, pandangan dan pendapat daripada mereka, sudah pasti kajian ini tidak dapat diselesaikan.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga saya titipkan kepada para sahabat saya yang sentiasa ada sewaktu senang dan susah dalam menjalani kehidupan jatuh bangun sebagai mahasiswa, ahli-ahli *team* Cukuplah Sekali iaitu Ahmad Hafizuddin, Arif Faisal, Ainul Jamil dan Izzaiman Nabihan. Nasihat, sokongan dan dorongan kalian sentiasa menjadi punca semangat saya selama hari ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi apresiasi buat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana telah menaja pembiayaan pengajian saya selama 4 tahun di USM melalui tajaan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). Kepada semua sahabat yang membantu secara langsung dan juga tidak langsung, terima kasih sepenuh hati saya ucapkan buat semua.

Didoakan usaha kecil melalui kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua, khususnya buat mereka yang berhasrat untuk mengkaji filem dan ideologi politik di Malaysia. Sekian.

Buat Ibu dan Ayah, salam sayang dan terima kasih.

Mohamad Aqriel Shazwan bin Md. Shahrudin

Desasiswa Restu, USM

Tarikh: 17 Julai 2023

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENGENALAN	13
1.1 Latar belakang	13
1.2 Permasalahan Kajian	19
1.3 Persoalan Kajian.....	22
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Kepentingan Kajian.....	22
1.6 Skop Kajian	24
1.7 Kaedah Kajian	25
1.7.1 Reka bentuk kajian	25
1.7.2 Kaedah Pengumpulan Data	26
1.7.3 Analisis data	28
1.8 Organisasi Penulisan	29
BAB 2 SOROTAN KARYA	32
2.1 Pengenalan	32
2.2 Filem sejarah, biopik dan propaganda: suatu analisis sejarah.....	33
2.3 Mesej serta naratif filem sejarah dan biopik	38
2.4 Ideologi konservatif dan konservatisme Melayu	46
2.5 Politik ketuanan Melayu.....	50
2.6 Gambaran wira dalam masyarakat Melayu	54
2.7 Kesimpulan bab.....	57

BAB 3	SIMBOLISME IDEOLOGI KONSERVATISME MELAYU DALAM FILEM MAT KILAU	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Konsep semiologi dalam pengajian media.....	58
3.2.1	Denotasi.....	59
3.2.2	Konotasi.....	60
3.3	Sinopsis filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan	60
3.4	Analisis gambaran ideologi konservatisme dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan	63
3.4.1	Gambaran sifat kekejaman penjajah British.....	63
3.4.1(a)	Kedatangan British dan pembunuhan penduduk kampung	63
3.4.1(b)	Ketamakan penjajah menjarah hasil bumi negeri Pahang .	64
3.4.1(c)	Pelaksanaan cukai secara paksaan terhadap peniaga Melayu	65
3.4.1(d)	Perpecahan orang Melayu	65
3.4.1(e)	Pembunuhan keluarga pahlawan Melayu	66
3.4.2	Konspirasi daulah terpendam oleh pertubuhan rahsia.....	67
3.4.2(a)	Rancangan tamak penjajah dan agenda Freemason-Illuminati	67
3.4.2(b)	Agenda Gerakan Orde Dunia Baharu	70
3.4.3	Gambaran watak bukan Melayu	73
3.4.3(a)	Ghulam Singh dan tentera sipahi Sikh	73
3.4.3(b)	Saudagar Cina Goh Hui.....	75
3.4.4	Mesej ketuanan Melayu.....	77
3.4.4(a)	Idea kaum lain sebagai pendatang.....	77
3.4.4(b)	Larangan mengangkat orang bukan Islam sebagai pemimpin	78
3.5	Kesimpulan bab.....	82

BAB 4	AGENDA KONSERVATISME MELAYU DALAM FILEM MAT KILAU	84
4.1	Pengenalan	84
4.2	Agenda konservatisme Melayu dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan	84
4.2.1	Peranan penerbit dalam filem	84
4.2.2	Kredibiliti pengarah filem	87
4.2.3	Nilai sejarah dalam filem.....	90
4.2.4	Pengaruh ideologi ISMA	93
4.2.5	Filem sebagai medium propaganda ISMA	97
4.2.6	Motif mesej konservatisme Melayu dalam filem	99
4.2.6(a)	Mengangkat agenda Melayu-Islam	99
4.2.6(b)	Isu-isu kontroversi yang menggugat politik orang Melayu	101
4.2.6(c)	Mesej teori konspirasi dalam filem	104
4.2.7	Representasi watak hero untuk orang Melayu.....	107
4.2.8	Representasi watak bukan Melayu	110
4.2.8(a)	Watak penjajah British	111
4.2.8(b)	Watak orang Cina	113
4.2.8(c)	Watak tentera sipahi Sikh	115
4.2.9	Kaitan penerbitan filem pada musim pilihan raya.....	118
4.2.9(a)	Tarikh penerbitan filem	118
4.2.9(b)	Penggunaan babak filem sebagai bahan kempen	121
4.3	Kesimpulan bab	123
BAB 5	KESIMPULAN KAJIAN.....	125
5.1	Kesimpulan.....	125
5.2	Masalah kajian.....	128
5.3	Cadangan kajian akan datang	129

SENARAI RUJUKAN 131

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

SENARAI SINGKATAN

1MDB	1 Malaysia Development Berhad
AS	Amerika Syarikat
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
AVR	Automatic Voters Registration
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
Bersatu	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
CIJ	Centre for Independent Journalism
CRMW	International Convention on the Protection of Migrant Workers and Members of their Families
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FFAP	Festival Filem Asia Pasifik
FFM	Festival Filem Malaysia
FINAS	Perbadanan Filem Nasional Malaysia
GPS	Gerakan Pengundi Sedar
GPS	Gabungan Parti Sarawak
GRS	Gabungan Rakyat Sabah
GTA	Gerakan Tanah Air
HMS	His (atau Her) Majesty's Ship
ICERD	International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination
ICESR	International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights
ISEAS	ISEAS – Yusof Ishak Institute
ISMA	Ikatan Muslimin Malaysia
LGBT	Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender
LTTE	Liberation Tigers of Tamil Eelam
MCA	Malaysian Chinese Association
MFU	Malayan Film Unit
MIC	Malaysian Indian Congress
NGO	Non-Governmental Organisation
NWO	New World Order
PAP	People's Action Party

PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PH	Pakatan Harapan
PKM	Parti Komunis Malaya
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PN	Perikatan Nasional
PPIK	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM
PPSK	Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRU	Pilihan Raya Umum
UCL	University College of London
UEC	Unified Examination Certificate
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	United Malays National Organisation
UNCAT	United Nations Convention Against Torture and other Cruel, Inhuman and Degrading Treatment and Punishment
USM	Universiti Sains Malaysia

FILEM MAT KILAU DAN KEBANGKITAN KONSERVATISME

MELAYU

ABSTRAK

Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) menjadi fenomena dalam industri perfileman Malaysia apabila berjaya menjadi filem terlaris di Malaysia dengan kutipan sebanyak RM96 juta. Namun, di sebalik populariti filem ini yang pecah panggung, filem ini juga dikritik daripada kerana terlalu sarat dengan mesej perkauman dan agama serta kaitan penerbitan filem ini dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) konservatif seperti Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Justeru, kajian ini akan membincangkan sama ada wujud agenda konservatisme Melayu di sebalik penerbitan filem ini dan menganalisis ideologi konservatisme Melayu yang digambarkan dalam filem ini. Teori ideologi konservatisme Melayu dan beberapa konsep lain diaplikasikan bagi membantu kajian ini. Dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual secara mendalam bersama enam orang informan dan analisis data sekunder, kajian ini mendapati bahawa filem ini padat dengan mesej-mesej konservatif yang berbaur perkauman dan agama. Bahkan, penyampaian mesej konservatif sebegini dalam filem tersebut adalah disengajakan untuk mempengaruhi pemikiran penonton. Hasil kajian juga merumuskan bahawa sememangnya filem ini berupaya menjadi sebuah propaganda yang berkesan dalam menyebarkan ideologi konservatisme Melayu kepada para penonton.

Kata kunci: Filem Mat Kilau, konservatisme Melayu, ketuanan Melayu-Islam, ISMA, propaganda

MAT KILAU FILM AND THE RISE OF MALAY CONSERVATISMS

ABSTRACT

Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) became a phenomenon in the Malaysian film industry when it became the highest-grossing film in Malaysia with ticket collections reached RM96 million. However, despite the film's popularity booming in the cinema, the film was also criticized for being audacious with ethno-religious messages and how the film production linked to the conservative non-governmental organisation (NGO) such as Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Thus, this study will examine whether there are Malay conservatism agendas behind the production of this film and how the Malay conservatism ideology portrayed in the film. The Malay conservatism theory and several other concepts were applied to discuss findings in this study. By using a qualitative method of in-depth interviews with six informants and secondary data analysis, the study argued that the film was overtly packed with ethno-religious messages. In fact, the portrayal of these messages are intentional to influence the audiences. The findings also concluded that the film is capable of being an effective propaganda in spreading the ideology of Malay conservatism to the audience.

Keywords: Mat Kilau film, Malay conservatism, Malay-Islamic supremacy, ISMA, propaganda

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar belakang

Filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* ialah sebuah filem biopik arahan pengarah tempatan, Syamsul Yusof terbitan Studio Kembara dan diedarkan oleh syarikat Skop Production. Filem bertemakan sejarah Mat Kilau, seorang tokoh pejuang nasionalisme berjuang bersama-sama ayahnya, Tok Gajah dan rakan-rakannya bagi menentang penjajahan British di negeri Pahang. Filem ini merupakan filem terlaris di Malaysia dengan rekod kutipan tiket berjumlah RM96 juta hanya dalam tempoh 40 hari tayangan bermula 23 Jun 2022 (Fareez Azman, 2022). Buat pertama kalinya, filem tempatan berjaya mengatasi filem *blockbuster* Barat seperti *Top Gun: Maverick* dan *Jurassic World (Dominion)* dalam carta pecah panggung Malaysia, malahan filem ini hangat diperkatakan oleh khalayak dalam pelbagai platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan TikTok (Zaidi, 2022). Hal ini jelas menunjukkan bahawa filem ini sudah menjadi fenomena di Malaysia sejak awal tayangannya pada 23 Jun 2022.

Meskipun menjadi filem pecah panggung dan fenomena di Malaysia, pembikinan filem ini turut menjadi bualan ramai pihak. Para penonton berbeza pandangan dalam memberikan ulasan mereka setelah menonton filem ini. Ada yang menganggap filem ini merupakan karya agung dalam dunia perfileman apabila mereka memuji Syamsul Yusof, pengarahnya berani menerbitkan sebuah filem berunsurkan sejarah perjuangan pahlawan Melayu yang bermati-matian menuntut kemerdekaan (Ahmad Fariszuan, 2022), filem ini juga dilihat dapat menaikkan semangat nasionalisme dan patriotisme orang Melayu dalam memelihara kedaulatan negara daripada cengkaman penjajah serta menjunjung tinggi martabat agama Islam (Hans

Hanis, 2022). Bukan itu sahaja, ada yang menganggap filem ini dapat membantu kerajaan dalam membina semula pemikiran masyarakat dengan lebih mencintai tanah air, menghargai jasa pejuang kemerdekaan, dan bersedia berjuang demi agama, bangsa dan negara (Fitrah Kamaleea, 2022).

Namun, kritikan terhadap filem ini juga tidak kurang hebatnya. Kebanyakan komen dan ulasan menyatakan bahawa filem ini seolah meromantisasi sejarah kerana filem ini tidaklah mengikut kronologi sejarah yang sebenar (Mansor Puteh, 2022; Amirul Mukminin, 2022; Hans Hanis, 2022), skrip dan ungkapan dialog yang dibuat-buat dan tidak asli (*authentic*) (Mansor Puteh, 2022; Amirul Mukminin, 2022). Begitu juga propaganda identiti politik moden yang terang-terang disulam dalam hampir semua babak yang ada dalam filem ini tatkala pengulangan dialog ‘Melayu dan Islam perlu bersatu’, hinggakan pihak British pun sempat melaungkan saranan yang sama kepada orang Melayu dalam filem tersebut (Amirul Mukminin, 2022). Tidak kurang juga watak-watak yang ditampilkan menimbulkan gambaran yang kurang senang terhadap perpaduan negara itu sendiri tatkala orang Cina dilihat sebagai sekutu penjajah, manakala tentera sipahi yang terdiri daripada kaum Sikh digambarkan sebagai tentera yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan setia kepada British (Aznil Tayeb, 2022).

Filem ini diterbitkan dalam jangka masa ‘demam’ atau musim Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) bakal tiba. Pada jangka masa pra-PRU-15 ini, sudah banyak desakan kepada kepimpinan kerajaan terutamanya daripada parti komponen kerajaan sendiri iaitu UMNO untuk membubarkan Parlimen segera (Faiz Zainuddin, 2022), bahkan Presiden UMNO sendiri, Ahmad Zahid Hamidi secara terang-terangan mendesak Perdana Menteri ketika itu, Ismail Sabri Yaakob (yang juga Naib Presiden UMNO) untuk membubarkan Parlimen lantas menghadapi PRU-15 dengan segera setelah melihat siri kejayaan parti tersebut memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) di

Johor dan Melaka (Malaysiakini, 2022; Omar Zin, 2022) sehinggalah Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pembubaran Parlimen pada 10 Oktober 2022 (Hakimi Ismail, 2022). Oleh sebab itu, tidak menghairankan jika jalan cerita dalam filem ini dilihat banyak menyentuh soal nilai dan ideologi konservatisme Melayu seperti ketuanan Melayu-Islam, semangat nasionalisme menentang penjajah kolonial dan lain-lain, seolah-olah ada agenda bagi menyemarakkan ideologi konservatisme Melayu menjelang PRU-15.

Jika disorot kembali soal kebangkitan konservatisme Melayu ini sebenarnya sudah mula jelas seawal pasca PRU-14 lagi. Isu-isu sensitif yang berbangkit sepanjang 22 bulan pemerintahan PH seperti LGBT, ratifikasi *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD) dan Statut Rom, hak keistimewaan orang Melayu, isu kenyataan rasmi dalam bahasa selain bahasa Melayu, skandal 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) dan banyak lagi menggambarkan kerencaman isu yang wujud pada ketika itu. Isu-isu ini dimanfaatkan oleh parti-parti politik berhaluan kanan seperti UMNO dan PAS (pada ketika itu) untuk menjatuhkan imej kerajaan PH di mata rakyat sekali gus mengurangkan kestabilan pemerintahan PH pada ketika itu (Mohd Anuar Ramli et al., 2018: 6). Pada masa ini juga, kebangkitan dan perkembangan ideologi konservatisme dalam kalangan orang Melayu mula berlaku sekali gus kerajaan PH sudah semakin tidak popular (Mohd Anuar Ramli et. al, 2018: 7).

Krisis politik yang berlaku pada penghujung Februari 2020 atau ‘Langkah Sheraton’ mengakibatkan pertukaran kerajaan berlaku. Muhyiddin Yassin telah memimpin koalisi politik Perikatan Nasional (PN) yang tidak jelas majoritinya, terdiri daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), PAS, UMNO, dan beberapa lagi parti komponen yang lain. Pada ketika itu juga, negara berhadapan dengan wabak

pandemik COVID-19 yang membantutkan pertumbuhan ekonomi negara, lantas menyukarkan kehidupan sosioekonomi rakyat. Centre for Independent Journalism (CIJ) (2023) melaporkan bahawa krisis ini telah meningkatkan keresahan golongan Melayu-Islam sekali gus percubaan untuk melindungi hak orang Melayu dan agama Islam meningkat (CIJ, 2023: 19) dan ahli-ahli politik merupakan aktor utama dalam memainkan naratif perkauman dan agama dalam platform media sosial seperti di Facebook, Twitter, Instagram, YouTube dan TikTok (CIJ, 2023: 17).

Dalam tempoh dari Ogos hingga November 2022, laporan CIJ mendapati tokoh politik seperti Abdul Hadi Awang dan partinya, PAS merupakan pemain sentimen perkauman terbesar di media sosial. Misalnya, video Abdul Hadi Awang di TikTok yang mengatakan bahawa calon-calon Melayu dipergunakan oleh parti DAP mencecah 2.5 juta *engagement* oleh pengguna TikTok, menjadikan ia *engagement* tertinggi dalam semua platform media sosial (CIJ, 2023: 24). Bahkan, mesej-mesej perkauman yang menyentuh soal ketuanan Melayu dan anti-Cina turut diterjemahkan melalui cuplikan filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan yang dimuatnaik di dalam media sosial. Dengan populariti filem Mat Kilau yang pecah panggung, aktor-aktor politik seperti ahli politik dan laskar siber (*cybertroopers*) menggunakan cuplikan filem tersebut sebagai bahan untuk menyuntik semangat perkauman dalam kalangan pengguna media sosial.

Misalnya, Gerakan Pengundi Sedar di Facebook pada 26 Oktober telah memetik babak Tok Gajah, seorang watak dalam filem Mat Kilau yang berpesan agar orang Melayu 'jaga bangsa dan agama'. Menurut laman web Gerakan Pengundi Sedar (GPS), GPS merupakan sebuah badan yang ditubuhkan oleh Biro Media Massa ISMA pada Oktober 2017 yang bertujuan untuk menjadi 'penunjuk arah' kepada rakyat bagi menghadapi PRU-14 (The Malaysian Insight, 2017; Bernama, 2017). Selain itu, pada

18 November 2022, sehari sebelum PRU-15, PAS Pusat di Facebook mengeluarkan kenyataan berjudul “Rintihan Buat Bangsa Melayuku” yang juga memetik kata-kata Mat Kilau yang menyeru “kebangkitan orang Melayu” (CIJ: 2023, 22). Hal ini jelas menunjukkan bagaimana filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan ini digunakan untuk menyebarkan mesej konservatisme Melayu kepada umum.

Kempen yang berunsur perkauman ini juga menjadi lebih parah tatkala video-video yang menyentuh peristiwa berdarah ‘13 Mei 1969’ banyak dimuatnaik sekitar 19 November 2022 (tarikh PRU-15) terutamanya setelah keputusan pilihan raya diumumkan. CIJ turut melaporkan pengguna muda TikTok banyak berkongsi video filem Mat Kilau dan 13 Mei membawa label “*Paid Partnership*”. Hal ini membuktikan kandungan yang dikongsi oleh pengguna muda TikTok ini telah ditaja oleh individu atau organisasi tertentu yang mahu menyemarakkan ideologi konservatisme (dan ultra-konservatisme) Melayu di platform media sosial (CIJ, 2023: 23). Kempen yang berunsur perkauman dan keagamaan ini lantas menyumbang kepada sokongan majoriti pengundi muda terutamanya pengundi 18 tahun ke atas terhadap PN dalam PRU-15. Tambahan lagi, PRU-15 juga memperlihatkan Undi-18 dan sistem pendaftaran undi automatik (AVR) telah dilaksanakan buat pertama kali (Razali & Abdul Hani, 2022: 187; Ahmad Fauzi & Che Hamdan: 2022) menjadikan pengundi muda bawah 40 tahun yang terdiri daripada Generasi Y (Gen-Y, 25-40 tahun) dan Generasi Z (Gen-Z, 18-24 tahun) sebagai majoriti, yakni 53 peratus daripada jumlah pengundi, sekali gus muncul sebagai *kingmaker* dalam PRU-15 (Razali & Abdul Hani, 2022: 187).

Pun begitu, golongan pengundi muda terutamanya dalam kalangan pengundi pertama kali (*first-time voters*) berhadapan dengan masalah kekeliruan dan ketidakmampuan untuk membuat keputusan melibatkan isu nasional dan tempatan seterusnya mempengaruhi undi mereka dalam pilihan raya. Kelompongan ini diisi oleh

faktor-faktor lain seperti keputusan keluarga untuk mengundi calon atau parti tertentu, kewujudan akaun sosial media palsu dan laskar siber (*cybertroopers*), serta mempengaruhi (*influencers*) yang rancak memainkan isu perkauman dan agama dalam platform media sosial akhirnya mempengaruhi tindakan dan keputusan para pengundi pertama kali (Razali & Abdul Hani, 2022: 188-189) seterusnya menyumbang kepada fenomena ‘Gelombang Hijau’ yang berlaku dalam PRU-15. Fenomena ‘Gelombang Hijau’ menggambarkan kejayaan Perikatan Nasional (PN) yang memperoleh 73 kerusi Parlimen dalam PRU-15, dengan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan penyumbang terbesar kerusi Parlimen sebanyak 49 buah kerusi dalam koalisi politik itu, sekali gus menjadi parti tunggal yang memperoleh jumlah kerusi tertinggi berbanding mana-mana parti tunggal di Malaysia (Predeep Nambiar, 2023).

Oleh itu, dengan dinamika politik yang disulam dengan naratif dan propaganda konservatisme Melayu, tidak mustahil sekiranya filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* mempunyai momentum untuk menyuntik semangat konservatisme (atau sehingga satu tahap, ultra-konservatisme) dalam kalangan penonton, terutamanya orang Melayu kerana penekanan terhadap wacana politik moden Malaysia yang masih memainkan isu ras dan agama sehingga peringatan bahawa ancaman terhadap institusi Islam dan Melayu itu perlu diulang-ulang dalam filem ini. Persoalan ini menyingkap suatu keperluan untuk mengkaji sama ada penerbitan filem ini mempunyai agenda tersendiri dalam menyuntik ideologi konservatisme Melayu lantaran filem ini digunakan secara meluas sebagai bahan kempen pada pilihan raya lepas.

1.2 Permasalahan Kajian

Di sebalik kejayaan filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* ini dalam arena perfileman negara, kewajaran untuk menyatakan filem ini sebagai filem biopik sejarah adalah tidak tepat dan boleh dipertikaikan kerana kegagalannya untuk mengikut kronologi dan memelihara ketepatan sejarah yang sebenar. Namun, Mana Sikana (2022) mengemukakan bahawa terdapat tiga jenis karya bercorak sejarah. Pertama adalah jenis pensejarahan fakta yang begitu mementingkan ketepatan pensejarahan (*historical accuracy*) daripada sudut mengambil sumber asli dan patuh kepada kronologi sejarah. Jenis kedua pula adalah karya historiografik yang memberi tafsiran baharu terhadap sejarah, misalnya dalam polemik watak Jebat sebagai hero atau penderhaka dalam lipatan sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

Jenis ketiga adalah metasejarah yang diinterpretasikan menurut pandangan pengarang sendiri. Metasejarah tidak mementingkan kronologi, peristiwa, mahu pun sejarahnya sendiri, sebaliknya ia lebih berfokus ke arah membina dimensi politik, kekuasaan dan sebagainya. Mana Sikana turut menyatakan bahawa filem *Mat Kilau* adalah sebuah filem jenis metasejarah dan bukan filem bergenre sejarah kerana wujud kecenderungan mencampur adukkan unsur pensejarahan sehingga ia begitu ‘rencam, karnival dan pelbagai warna’ (Mana Sikana, 2022).

Selain daripada isu ketepatan pensejarahan, filem ini juga jelas membawa mesej perkauman dan agama yang sangat bersifat konservatif sehingga menjadi perdebatan dalam wacana umum. Watak-watak orang Melayu dan bukan Melayu digambarkan dalam keadaan dangkal, tidak adil, dan berat sebelah. Misalnya, orang Cina digambarkan sebagai tamak, orang British digambarkan sebagai kejam dan tidak berperikemanusiaan, manakala orang Sikh digambarkan sebagai tentera sipahi yang sanggup menjadi ‘orang suruhan’ British bagi melakukan kerja-kerja jahat seperti

membunuh pemberontak dalam kalangan orang Melayu yang tinggal di kampung. Azmil Tayeb (2022) menyatakan bahawa gambaran watak-watak yang bersifat dangkal dalam filem ini adalah disengajakan. Azmil membongkarkan bahawa pembikinan dan penerbitan filem ini mempunyai agenda yang tersendiri tatkala filem ini dikatakan telah ditaja sebanyak RM8 juta (USD1.77 juta) oleh penerbit filem itu sendiri iaitu Abdul Rahman Mat Dali. Abdul Rahman Mat Dali merupakan pengarah urusan Hospital Az-Zahrah di Bangi, Selangor dan juga mantan Timbalan Presiden Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).

ISMA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang konservatif dan tegar memperjuangkan ketuanan Melayu-Islam di Malaysia. Misi ISMA adalah untuk memimpin Ummah (orang Islam) mengembalikan dominasi kuasa Melayu Islam di Malaysia (ISMA, n.d.). Menurut Azmil (2022), oleh sebab ISMA merupakan NGO konservatif berhaluan kanan, pegangan dan perjuangan eksklusif mereka tidak disokong oleh orang bukan Melayu dan golongan Melayu *centrist* atau Melayu progresif. Justeru, bagi menyebarkan ideologi konservatif ISMA yang berpusat kepada ketuanan Melayu-Islam, ISMA perlu mempelbagaikan entiti mereka yang berfungsi sebagai proksi dan pembikinan filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* merupakan salah satu modus operandi mereka.

Atas dasar itu, filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* ini memperlihatkan elemen romantisasi sejarah yang jelas disulam dalam pembikinan filem ini, ditambah pula dengan dialog yang menekankan polemik dan propaganda politik semasa, serta penampilan dan peranan watak yang kontroversi, maka timbul persoalan adakah terdapat sebarang agenda tersendiri tatkala filem ini dibikin dan diterbitkan seperti mana yang diutarakan oleh Azmil Tayeb? Mesej moral daripada filem ini akan membawa perbahasan yang lebih lanjut dalam wacana politik semasa, terutamanya terhadap

pemikiran penonton dalam kalangan orang Melayu daripada segi pemikiran dan pendirian politik mereka.

Malahan, seperti yang dilihat pada pra-PRU-15 November lalu, cuplikan-cuplikan filem ini turut dimanfaatkan oleh pengguna media sosial untuk menyebarkan propaganda sehingga menimbulkan keresahan pengundi-pengundi Melayu. Naratif yang dimainkan bahawa “Melayu dan Islam kini terancam”, “orang Cina atau kafir sedang mengambil alih negara”, “peristiwa 13 Mei 1969 akan berulang semula sekiranya Melayu tidak bersatu” kerap dimainkan menjelang PRU-15 sehingga merebak selepas pilihan raya. Naratif-naratif sebeginilah yang menyebabkan negara berhadapan dengan ‘Gelombang Hijau’ oleh media dan orang ramai. Berbanding dengan mana-mana koalisi politik yang bertanding dalam pilihan raya lepas sama ada Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Gabungan Parti Sarawak (GPS), atau Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Perikatan Nasional (PN) lebih menonjol sebagai gabungan parti politik yang berhaluan kanan dan konservatif.

Antara strategi yang digunakan oleh PN adalah mereka mendominasi propaganda dalam aplikasi TikTok yang membolehkan mereka mendapat capaian penyokong yang sangat luas terutamanya daripada golongan pengundi muda Melayu 18 tahun ke atas (Kathirasen, 2022; Fauzi & Hamdan, 2022). Bahan kempen mereka sering menggunakan sentimen kaum dan agama yang menggambarkan bahawa agenda Islam, Melayu dan Bumiputera sedang terancam. Bahkan, Muhyiddin sendiri menyatakan bahawa PH mempunyai agenda tersendiri untuk mengkristianisasikan orang Melayu dalam kempen (Fauzi & Hamdan, 2022).

Justeru, kebangkitan konservatisme Melayu dalam arena politik baru-baru ini akibat daripada sentimen kaum dan agama itu dimainkan dan secara tidak langsung, filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* ini juga turut menyumbang terhadap polemik

ras dan agama yang berlegar dalam wacana umum. Oleh sebab itu, penting untuk dikaji sama ada wujud kaitan secara jelas atau pun halus (*subtle*), sengaja atau tidak sengaja, dalam penerbitan filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan dengan usaha mengekalkan ideologi konservatisme Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

1.3 Persoalan Kajian

1. Adakah penerbitan filem Mat Kilau mempunyai agenda tersendiri dalam menyemarakkan konservatisme Melayu di Malaysia?
2. Bagaimanakah ideologi konservatisme Melayu digambarkan dalam filem Mat Kilau?

1.4 Objektif Kajian

1. Membincangkan agenda konservatif Melayu di sebalik penerbitan filem Mat Kilau.
2. Menganalisis ideologi konservatisme yang digambarkan dalam filem Mat Kilau.

1.5 Kepentingan Kajian

Sejak Malaysia berhadapan dengan tsunami politik yang berjaya menumbangkan rejim Barisan Nasional (BN) daripada tampuk pemerintahan negara buat pertama kalinya pada 9 Mei 2018, sememangnya PRU-14 merupakan peristiwa penting dalam lipatan sejarah politik negara. Namun, perubahan yang diraikan tidaklah seindah yang disangka tatkala Pakatan Harapan (PH) mula memerintah, isu-isu perkauman, ras dan agama semakin mendapat tempat dalam arena wacana umum. Malahan, isu ini menjadi lebih kompleks kerana ia merentasi faktor politik, ekonomi dan sosial masyarakat di Malaysia. Situasi yang sama turut berlaku ketika menjelang

PRU-15 apabila isu perkauman, ras dan agama yang mencetuskan perkembangan konservatisme Melayu ini juga semakin rancak dimanfaatkan oleh parti-parti politik dalam kempen pilihan raya masing-masing. Ayat-ayat provokatif dalam kempen seperti ‘PH akan melakukan agenda kristianisasi sekiranya diberi kuasa’ (Malaysiakini, 2022), ‘LGBT akan dibenarkan berleluasa’ (Faris Fuad, 2023), ‘orang Melayu hilang kuasa’, ‘undi PH masuk neraka’ (Mohd Iskandar Ibrahim, 2022) digunakan untuk membangkitkan keresahan orang Melayu sekali gus menyemarakkan lagi ideologi konservatif Melayu ini. Malahan, ideologi ini juga tersebar luas melalui platform media sosial seperti Facebook dan TikTok. Misalnya, ucapan berbaur hasutan dan kebencian seperti membangkitkan semula peristiwa berdarah rusuhan 13 Mei 1969 oleh para penyokong PN menerusi aplikasi TikTok memburukkan lagi fragmentasi politik dalam masyarakat (Razali & Abdul Hani, 2022: 185).

Oleh sebab isu-isu yang terkait dengan sentimen perkauman dan agama ini mudah untuk mempengaruhi masyarakat, maka kajian ke atas ideologi konservatisme Melayu ini penting bagi memahami secara mendalam ‘*psyche*’ orang-orang Melayu tatkala mereka berhadapan dengan ideologi ini. Lantaran ideologi konservatisme Melayu semakin popular kini, simbolisme dan idea terhadap konservatisme Melayu dan agama Islam itu juga ditonjolkan dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan. Realitinya, kajian mengenai filem-filem sejarah dan filem biopik di Malaysia masih lagi kurang menjadi fokus kajian para sarjana, terutamanya dalam aspek kajian perbandingan historiografi, kajian ideologikal dan teoretikal yang dipamerkan dalam filem-filem genre tersebut. Lantas meninggalkan ruang (*gap*) yang jelas dalam kajian-kajian filem di Malaysia. Justeru, hal ini menjadi kelebihan buat kajian ini yang diharapkan dapat memenuhi ruang sedia ada dalam kajian filem dan politik tanah air.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan memfokuskan filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan dan merungkai hubungannya dengan kebangkitan konservatisme Melayu di Malaysia. Oleh itu, garis masa (*timeline*) amat penting dalam sesebuah kajian bagi memastikan kajian itu lebih berfokus dan tidak terpesong daripada skop kajian. Maka, kajian ini akan meletakkan garis masa kajian bermula pada era pasca-PRU-14 (9 Mei 2018) sehingga pasca-PRU-15 (19 November 2022). Rasional garis masa seperti ini diletakkan dalam penyelidikan ini adalah kerana ideologi konservatisme Melayu jelas meningkat bermula sejak perubahan kerajaan pasca-PRU-14. Isu-isu seperti ICERD, Statut Rom, penggunaan bahasa lain selain Bahasa Melayu dalam urusan rasmi ibarat menyimbah minyak ke dalam api sekali gus menyemarakkan rasa gusar dalam kalangan Melayu konservatif. Malahan, isu-isu perkauman ini juga jelas dimainkan oleh ahli-ahli politik sebagai strategi *fear-mongering* terutamanya buat orang Melayu konservatif (Ahmad Soffian Mohd Shariff, 2022).

Pengarah filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan, Syamsul Yusof mula menyatakan hasratnya untuk menghasilkan filem epik sejarah pahlawan negara sejak Ogos 2017 (Azyyati Ahmad, 2017). Syamsul telah ditawarkan oleh Studio Kembara untuk mengarah filem tersebut setelah projek tersebut terhenti separuh jalan dan produksi filem tersebut bermula pada Mac 2018 setelah Syamsul bersetuju menjadi pengarah dan merombak semula skrip, jalan cerita dan plot asal filem tersebut (Aref Omar, 2018). Secara rumusannya, tempoh produksi dan pembikinan filem tersebut juga seiring dengan garis masa yang diletakkan dalam skop kajian ini.